In this, she is emblematic of the risks and lack of choices some two million people living in abject poverty in Malaysia face, an issue Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has vowed to alleviate, if not eradicate. It is an uphill battle, however, with many tangential issues that will need tackling in tandem.

The cost of being poor
In Malaysia, the incidence of poverty is defined as the percentage of households that has a gross monthly household income lower than the poverty line income. The government revised the national poverty line to RM2,208 in 2020 from RM980 previously. Consequently, the number of households living under the poverty line increased to 5.6 per cent in 2020, according to the latest figures from the World Bank.

For decades, Malaysia has provided assistance to the poor and lower-income groups with targeted subsidies and financial assistance. While it has largely worked, lifting Malaysians from a 50 per cent poverty rate in the 1970s to less than 10 per cent now, there remain pockets of poverty in rural areas as well as in urban areas.

Experts say alleviating hardcore poverty is not that easy although they lauded the effort.

While there are many facilities and services available for the poor, gaining access to such services can be a challenge in a multitude of ways.

In short, many people in abject poverty cannot afford the cost of being poor.

Economist and former Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) commissioner Prof Datuk Dr Madeline Berna, who has done a lot of research on poverty, said Malaysia uses the targeted approach method, where the indigent and poor have to register with the government first and then undergo the process of verification. This can be a stumbling block for many poor people.

"You have to be registered in e-kasih (National Poverty Data Bank System) in order for you to qualify for support. So if you are a Penan living seven days walking distance (from the nearest assistance centre) and you don't know about e-kasih then how are you supposed to register?" she said.

She said even when people have managed to register themselves, they may still face obstacles such as transportation. Depending on where they live, some can ill-afford the cost of travelling to the district office which is responsible for disseminating aid and financial assistance to the poor.

She gave the example of getting financial aid in Sarawak: "In the old days, the JKM allowance was RM70. The cost of traveling from the longhouse to the district office to get that assistance will cost you about RM30 to RM40 by boat.

"For the poor, the most expensive thing in their budget is food. Next is transport. If we can address these two issues, it will help a lot in terms of (alleviating

poverty)," she added.

Accessibility

One visually-impaired man Bernama talked to knows very well what it means to spend what little money he has to collect money and assistance to survive. The 62-year-old man, who asked to be identified only as Low, takes a bus from Rawang to Kuala Lumpur and then the MRT to the soup kitchen every day without fail.

He gets three packs of free food, consisting of rice, a protein dish and vegetables, for his breakfast, lunch and dinner. He leaves at 11 am every day to make sure he arrives on time so as not to risk the soup kitchen running out of food. He then takes the MRT and bus back home.

Low said he receives RM300 a month from JKM. His travelling expenses per month alone come to at least RM110. He lives in an illegal dwelling rent-free on someone else's land which allows him to save a little money. He tries not to spend more than necessary.

"What I don't use, I put into (my EPF account). I don't want to use the money," he said, adding he has RM20,000 in the account. He has already earmarked the money for an old folks home when the time comes.

He has no family, save for a sister who lives away from him. The house itself is very sparse, he said, equipped only with a kettle, washer, bed and radio.

Low said he does not find his daily travel too arduous although he gripes about the state of facilities for the disabled at some of the stations. Being legally blind, the lack of working elevators in some places puts him at risk of falling.

Disability advocate

Murugeswaran Veerasamy, who prefers to be called Muru, said improving disability access everywhere, not just in public transportation, will help reduce abject poverty overall.

Although Malaysia does not have exact figures on the number of disabled people living in abject poverty, research has found that many disabled Malaysians are unable to earn an income. This includes the elderly, who become more physically disabled as they get older, even if they remain mentally alert.

"The quota (for hiring disabled persons) in the government sector and private sector is one percent. At the moment, I think only 0.02 percent of employees are disabled whereas this quota system was implemented (decades ago)," said Muru.

He and other experts warned that policies to alleviate poverty cannot have a one-size-fits-all kind of solution. As such, Muru said part of disability access means the assistance should be tailored to what the people need. "Identify and separate them and give them the proper assistance so they can contribute to themselves, to the family and to the country. If we give them proper guidance, they can do well," he said.

Documentation

But identification and classification can be a sign of some privilege as well, presenting insurmountable obstacles to some who are hardcore poor. Much of the poverty assistance in Malaysia is reserved for Malaysians which requires documentation.

Experts said the lack of documentation among the poor is a common issue that continues the cycle of poverty.

PERTIWI president Datuk Munirah Abdul Hamid told

Bernama she would not be surprised if the number of people living in abject poverty is higher than the governmental figures.

"It's always the privileged who are able to get classification, the rest fall in the margins," she said.

Mega, a 38-year-old homeless woman, can attest to the state of limbo being undocumented brings. She used to live with her mother, an Indonesian domestic worker, in a shophouse. She never knew her father who may or may not be Malaysian.

Now her mother is dead. She told Bernama she does not have a birth certificate. She has never been to school, only learning how to read and write from friends. She does not know if her parents were married and if her father was Malaysian which would have qualified her for assistance from the government.

Being undocumented, she cannot be employed formally which makes it difficult for her to earn an income or afford her HIV medication.


Despite her hardship, she is friendly and quick to smile, despite missing some teeth.

"Life is hard now. I'm still happy but I miss my mother," she said.

Dr Berna said many among the hardcore poor lacked awareness of the importance of getting the necessary documentation. She acknowledged that registering for MyKad was a lengthy process, usually taking a whole day, which is difficult for daily wage earners who may have to give up a day's wages or those who live far away. However, she said it was a necessity.

"If they know the importance of their children having their identity cards, then they would really do it," she said, adding the process could be simplified.

— Bernama



TAJUK : 'MAHALNYA' HARGA KEMISKINAN

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 JUN 2023

M/SURAT : 09

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

'Mahalnya' harga kemiskinan

Oleh Nina Maslin

DI tengah-tengah metropolis bernama Kuala Lumpur ini, sebuah premis kecil menjadi tumpuan puluhan individu yang beratur dengan tenang, sabar menunggu giliran untuk mengambil bantuan makanan, kebanyakannya adalah muka-muka biasa.

Dalam kalangan mereka, seorang wanita menarik perhatian. Beliau berumur 40 tahun dengan wajah yang jelas dimamah usia, tubuh kecilnya yang melidi itu sedikit bongkok, seolah-olah memberi gambaran akan beban berat yang dipikulnya selama ini. Namun, pada usia 75 tahun didedahkan kepada Bernama selepas beberapa pertemuannya, dia masih cergas.

Ceritanya kepada Bernama, dia hanya kembali mengunjungi Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku yang dikendalikan oleh Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) itu baru-baru ini, selepas beberapa tahun tidak memerlukan bantuan pusat tersebut. Katanya dia tidak ada pilihan setelah wang simpanannya habis dikabas orang.

"Saya kena tipu RM31,000. Dia orang (mereka) cakap nak kasi duit raya. Saya macam kena paku. Saya pergi bank, sign paper (tanda tangan dokumen). (Saya) Ingat dia nak masukkan duit, tapi dia keluarkan duit (saya). Semua habis," katanya, pilu.

"Dua hari saya tak makan. (Hanya) Nangis je." Dia mati akal kerana dia tidak mampu bekerja dan bergantung pada bantuan bulanan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Dia berkira-kira untuk kembali ke sisi keluarganya di Kelantan, namun membimbang situasinya akan bertambah teruk.

Bertidak-tidaknya di sini dia ada rumah, katanya. Dia menyewa rumah flat kos rendah pada kadar RM150 sebulan dan tinggal bersama-sama anak angkat lelaki berusia 28 tahun. Si anak yang bekerja dengan gaji harian, akan menghulurkan wang kepadanya jika ada duit. Jika tidak, mereka berdua akan bergantung pada bantuan JKJ. Setakat ini anaknya masih belum dapat mencari pekerjaan tetap.

Kehilangan wang simpanan mereka umpama telur di hujung tanduk. Andainya dia atau anaknya mengalami masalah kesihatan yang besar, maka akan melaratlah hidup mereka. Malah, sekarang pun dia mengadu sakit dalam perut dan lutut.

Wanita ini melambangkan risiko dan akibat kekurangan pilihan yang dihadapi oleh kira-kira dua juta penduduk miskin tegar di Malaysia, satu masalah yang mahu dikurangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, jika tidak dapat dibasmi. Bagaimanapun, usaha ke arah itu dilihat amat sukar kerana terdapat banyak isu lain yang perlu ditangani secara seiring.

Status isi rumah di Malaysia diukur menerusi pendapatan dan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40), Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Pertengahan (M40) dan Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 20 Peratus Tertinggi (T20). Kategori

B40 dan M40 masing-masing ada empat peringkat, sementara T20 ada dua. Bermula tahun depan, kerajaan akan menyemak semula pengkelasan pendapatan isi rumah dengan memasukkan pendapatan bersih sebagai pengukur dalam menentukan tahap kekayaan.

Kerajaan sebelum ini menyemak semula kadar garis kemiskinan kebangsaan daripada RM980 kepada RM2,208. Susulan itu, bilangan isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan meningkat kepada 5.6 peratus pada 2020, demikian menurut data terkini Bank Dunia.

Sejak berdekad lalu, Malaysia menyalurkan bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah menerusi subsidi bersasar dan bantuan kewangan. Secara keseluruhannya, inisiatif itu berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini daripada 50 peratus pada 1970-an kepada kurang 10 peratus sekarang, merangkumi segelintir penduduk di luar bandar dan di bandar.

KEKANGAN

Pakar yang menyambut baik inisiatif itu, bagaimanapun berkata usaha untuk mengurangkan jumlah miskin tegar bukan sesuatu yang mudah dilakukan. Kata mereka, walaupun terdapat pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan untuk golongan miskin, banyak kekangan yang menghalang.

Pendek kata, kebanyakan penduduk miskin tegar di negara ini tidak mampu menikmati kemudahan tersebut disebabkan oleh kemiskinan itu sendiri.

Ahli ekonomi yang juga bekas Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Prof Datuk Dr Madeline Berna yang banyak menjalankan kajian tentang kemiskinan, berkata Malaysia menggunakan kaedah bersasar, iaitu golongan miskin perlu terlebih dahulu mendaftar dengan kerajaan dan disusuli proses pengesahan. Situasi ini boleh menjadi penghalang buat kebanyakan orang miskin.

"Seseorang itu perlu mendaftar dengan e-Kasih (pangkalan data bersepadu isi rumah miskin kebangsaan) bagi melayakkan dia mendapatkan bantuan. Kalau dia adalah orang Penan yang tinggal jauh terpencil, tujuh hari berjalan kaki (untuk sampai di pusat bantuan terdekat), dan tidak tahu tentang e-Kasih, bagaimana dia nak mendaftar?" katanya.

Jika seseorang itu dapat mendaftar sekalipun, mereka masih berdepan halangan seperti pengangkutan, ujar beliau lagi. Bergantung di mana mereka tinggal, sesetengahnya tidak mampu membayar kos perjalanan ke pejabat pegawai daerah yang bertanggungjawab mengahikan bantuan kepada orang miskin.

Mengambil contoh keadaan di Sarawak, katanya: "Zaman dulu, bantuan JKJ cuma RM70. Kos perjalanan dari rumah panjang ke pejabat daerah bagi mengambil bantuan itu ialah sekitar RM30 ke RM40 untuk tambang bot. "Bagi orang susah, benda paling mahal dalam belanjawan mereka ialah makanan, disusuli pengangkutan. Dan itu ini, jika dapat ditangani, akan membantu kita dari banyak segi (dalam mengurangkan

kemiskinan)," tambah beliau.

Situasi sedemikian, membelanjakan duit yang begitu susah diperoleh untuk pergi mengambil bantuan demi kelangsungan hidup amat difahami oleh seorang lelaki cacat penglihatan yang ditemui bual Bernama.

Saban hari, warga emas berusia 62 tahun yang hanya mahu dikenali sebagai Low itu, menaiki bas dari Rawang ke Kuala Lumpur sebelum menyambung perjalanan dengan MRT, menuju pusat khidmat gelandangan tersebut.

Di situ, dia diberikan tiga bungkus makanan percuma, mengandungi nasi, sumber protein sebagai lauk dan sayur untuk sarapan, makan tengah hari dan malam. Dia keluar rumah pada 11 pagi setiap hari bagi memastikan dia tiba tepat pada waktu, kerana makanan mungkin kehabisan jika dia lambat sampai. Usai mengambil makanan, dia menaiki MRT dan bus untuk pulang ke rumah.

Menurut Low, dia menerima bantuan JKJ sebanyak RM300 sebulan, dan daripada jumlah itu, sekurang-kurangnya RM110 dibelanjakan untuk kos perjalanan. Buat masa ini dia tinggal di sebuah rumah yang didirikan secara haram di atas tanah milik orang dan tidak perlu membayar sewa, sekali gus membolehkannya menyimpan sedikit wang. Dia berusaha untuk tidak berbelanja bagi benda yang tidak perlu.

"Baki yang saya tidak belanjakan, saya masukkan dalam (akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja). Saya tidak mahu gunakan wang itu," katanya, menambah simpanannya kini berjumlah RM20,000. Duit itu katanya akan digunakan bagi membayangi kos tinggal di rumah jagaan warga emas apabila tiba masanya.

Selain seorang kakak, dia tidak ada ahli keluarga yang lain. Dirumahnya pula hanya ada sebuah cerek, mesin basuh, tilam dan radio.

KEMUDAHAN OKU

Sekalipun perjalanan hariannya itu tidak sukar, Low merungut tentang kemudahan yang disediakan untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Sebagai OKU penglihatan, kehadiran elevator yang berfungsi di sesetengah stesen pengangkutan awam, membuatkan dia berisiko terjatuh.

Aktivis yang memperjuangkan hak OKU, Murugeswaran Veerasamy yang mesra dipanggil Muru, berkata penambahbaikan kemudahan untuk OKU, bukan sahaja dalam pengangkutan awam tetapi di semua tempat, akan membantu mengurangkan jumlah miskin tegar secara keseluruhan.

Sekalipun Malaysia tidak ada angka tepat golongan OKU yang hidup di sini, kajian mendapati ramai rakyat negara ini yang kurang upaya tidak dapat mencari rezeki. Mereka termasuk golongan tua yang menjadi kurang upaya dari segi fizikal apabila meningkat usia walaupun keadaan mental mereka masih baik.

"Kuota (menggaji OKU) dalam sektor kerajaan dan swasta ialah satu peratus. Pada masa ini, saya rasa hanya 0.02 peratus pekerja adalah OKU sedangkan sistem kuota ini dilaksanakan sejak berdekad lalu," kata Muru.

Beliau dan beberapa pakar lain juga mengingatkan pihak berwajib bahawa dasar men-

gurkan kemiskinan tidak boleh menerima guna pendekatan "satu penyelesaian untuk semua". Sehubungan itu, kata Muru, bantuan yang disalurkan harus mengikut acuan mereka yang dibantu.

"Kenal pasti dan sasarkan mereka serta berikan bantuan yang betul agar mereka boleh menyumbang kepada diri sendiri, keluarga dan negara. Jika kita beri mereka bimbingan yang betul, mereka akan dapat hidup dengan baik," katanya.

DOKUMEN

Akan tetapi, pengkelasan sebagai turut dilihat sebagai satu keistimewaan yang menjadi halangan besar buat sesetengah golongan miskin tegar. Rata-rata bantuan kemiskinan di Malaysia adalah untuk rakyatnya, bermakna mereka perlu ada dokumen diri.

Bagaimanapun bukan mudah bagi sesetengah mereka ini mendapatkan dokumen itu. Menurut pakar, hal itu adalah isi lazim yang membuatkan roda kemiskinan terus berputar.

Presiden PERTIWI Datuk Munirah Abdul Hamid memberitahu Bernama, beliau tidak mengesahkan dokumen itu. Menurut pakar, hal itu adalah isi lazim yang membuatkan roda kemiskinan terus berputar.

Menurut beliau, hanya golongan yang memiliki hak keistimewaan sahaja dapat masuk dalam pengkelasan, sementara yang lain terpinggir.

Mega, wanita gelandangan berusia 38 tahun, boleh membuktikan akibat tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Sebelum ini dia tinggal dengan ibunya, seorang warga Indonesia yang bekerja sebagai pembantu rumah, yang menyewa di sebuah rumah kedai. Dia tidak tahu siapakah ayahnya. Mungkin rakyat Malaysia, mungkin bukan.

Ibunya telah meninggal dunia, dan dia pula tidak mempunyai sijil kelahiran. Dia yang tidak pernah bersekolah, belajar menulis dan membaca daripada kawan-kawan. Dia juga tidak tahu sama ada ibu bapanya berkahwin, dan jika ayahnya adalah rakyat Malaysia, maka dia layak menerima bantuan kerajaan.

Oleh sebab tidak ada dokumen pengenalan diri, Mega tidak boleh diambil bekerja secara sah, sekali gus menyukarkannya untuk mencari rezeki ataupun mendapatkan ubat HIV yang diperlukannya.

Di sebalik kepayangan hidup yang dilahapinya, wanita ini mesra dan mudah menyium, menyanggah barisan gigi yang berlompang.

"Sekarang susah, masih happy tapi rindu (mak)," katanya.

Dr Berna berkata kebanyakan miskin tegar tidak tahu tentang kepentingan mendapatkan dokumen yang perlu. Beliau mengakui proses mendapatkan MyKad adalah panjang, selalunya mengambil masa sehari suntuk, sekali gus menyukarkan mereka yang bekerja dengan gaji harian dan juga mereka yang tinggal jauh.

Bagaimanapun kata beliau, dokumen itu adalah satu keperluan.

"Sekiranya mereka tahu betapa pentingnya untuk anak mereka memiliki kad pengenalan, mereka akan berusaha mendapatkan dokumen itu," katanya, menambah proses itu seharusnya dipermudah. — Bernama



TAJUK :	BEKAS PEMAIN BOLA SEPAK DITAHAN DISYAKI CEROBOH BILIK HOTEL		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 JUN 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Bekas pemain bola sepak ditahan disyaki ceroboh bilik hotel

KUALA LUMPUR: Seorang bekas pemain bola sepak kebangsaan ditahan selepas disyaki mencerooboh sebuah bilik hotel yang dihuni seorang wanita di Petaling Jaya, dekat sini, Rabu lepas.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang wanita berusia 35

tahun yang mendakwa biliknya diceroboh lelaki berkenaan pada kira-kira 6.10 petang.

“Berlaku perselisihan faham antara mereka dan wanita tersebut meninggalkan hotel untuk menyelamatkan diri mangsa sebelum membuat laporan polis pada 2.10 pagi Khamis,” katanya dalam kenyataan semalam.

Mohamad Fakhrudin


berkata, hasil laporan tersebut, pihaknya menahan lelaki berusia 49 tahun itu pada jam 1 petang di Jalan Penchala, Petaling Jaya, hari yang sama.

Katanya, suspek direman sehari (23 Jun) bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan dibebaskan dengan jaminan polis.

Beliau berkata, siasatan mendapati wanita terba-

bit menginap di bilik hotel berkenaan atas urusan kerja dan mengenali suspek tersebut kira-kira setahun lepas.

Terdahulu tular di laman sosial hantaran seorang lelaki yang mendakwa suami mangsa bahawa bekas pemain bola sepak kebangsaan itu telah mencerooboh bilik hotel dan bertindak agresif terhadap isterinya. — Bernama



TAJUK : KERANA PELABURAN TIDAK WUJUD, KERANI RUGI LEBIH RM100,000

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 JUN 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kerana pelaburan tidak wujud, kerani rugi lebih RM100,000

KUANTAN: Gara-gara mahu mendapat keuntungan segera, seorang kerani mengalami kerugian lebih RM100,000 akibat diperdaya pelaburan mata wang asing palsu melalui aplikasi Instagram.

Ketua Polis Pahang Datuk Yahaya Othman berkata, wanita berusia 37 tahun itu bukan hanya mengeluarkan semua simpanannya malah turut membuat pinjaman peribadi bagi tujuan pelaburan tersebut.

“Mangsa mendakwa mengetahui mengenai pelaburan itu daripada seorang lelaki warga asing yang dikenalnya menerusi media sosial itu

pada 4 Mei lepas.

“Suspek dikatakan mengajak mangsa menyertai pelaburan yang kononnya menggunakan mata wang dolar Amerika Syarikat (ASD) dengan jaminan keuntungan sebanyak 10 peratus dalam tempoh 120 saat,” katanya menerusi kenyataan di sini semalam.


Beliau berkata, mangsa dimaklumkan bahawa pelaburan berkenaan boleh disertai dengan modal permulaan RM1,000 sahaja.

Beliau berkata, mangsa telah membuat 11 transaksi pindahan wang secara dalam talian sebanyak RM113,875 ke enam akaun bank berbeza yang diberikan suspek dalam

tempoh dua minggu bermula 2 Jun lepas.

Mangsa yang menyedari telah ditipu selepas gagal menghubungi suspek yang telah berjanji akan ke Malaysia untuk berjumpa dengannya, telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jerantut kelmarin.

Justeru, Yahaya menasihatkan orang ramai untuk tidak mudah terperdaya dengan pelaburan yang menjanjikan pulangan lumayan dalam masa singkat dan membuat semakan dengan polis atau Bank Negara Malaysia (BNM) supaya tidak menjadi mangsa penipuan. — Bernama



TAJUK : MCMC AKAN BERTINDAK LEBIH TEGAS TERHADAP PENYEBARAN FITNAH

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 JUN 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

MCMC akan bertindak lebih tegas terhadap penyebaran fitnah

KOTABAHARU: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan bertindak lebih tegas terhadap penyebaran fitnah termasuk di media sosial terutamanya ketika menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN).

Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil berkata bagi mengekang perkara berkenaan pihaknya turut mengadakan pertemuan dengan penyedia perkhidmatan media sosial termasuk Telegram dan TikTok.

"Kita telah mengadakan pertemuan dengan TikTok pada hujung tahun lalu dan awal tahun ini selain pertemuan dengan pihak Telegram baru-baru ini (19 Jun). Alhamdulillah kerjasama dengan penyedia perkhidmatan media sosial setakat ini sangat baik.

"Selain itu, kita juga melihat ada keperluan untuk melakukan pertemuan den-



BERSAMA RAKYAT: Fahmi menyantuni kanak-kanak yang sedang mewarna pada Program Kita MADANI di Jalan Atas Banggol di Kota Bharu, semalam. — Gambar Bernama

gan Meta. Kerjasama yang baik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), MCMC serta penyedia platform perkhidmatan media sosial amat penting bukan sahaja

untuk mengekang fitnah tetapi untuk memastikan ia tidak disalah guna," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri program Pra Pelancaran Komuniti MADANI Peringkat Negeri Kelantan di Dewan WAWA, Jalan Kelonchor di sini semalam yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital Datuk Mohamad Fauzi Md Isa.

Hadir sama Ketua Pengarah Penerangan Datuk Mohd Sukari Ab Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Roslan Ariffin.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata pihaknya juga melihat terdapat keperluan untuk meneliti terhadap pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia agar MCMC mempunyai lebih kuasa terhadap

isu berkaitan.

Katanya, keperluan pindaan akta itu juga untuk memastikan tidak berlaku provokasi atau fitnah membabitkan elemen 3R (Race, Religion, Royalty) selain tidak mempolitikkan agama atau memperolokkan institusi raja-raja.

"Kita lihat fitnah serta maklumat yang salah ini akan membina persepsi buruk selain tohmahan terutama membabitkan elemen 3R perlu dikekang. Selain menangani fitnah, perkara ini juga (pindaan akta) perlu untuk mengekang salah guna jenayah siber.

"Oleh itu, kita melihat ada keperluan untuk ia dipinda dan diperkukuhkan. Saya berharap perkara ini (pindaan akta) dapat dilakukan menjelang hujung tahun ini agar perkara yang berlaku sebelum ini tidak berulang," katanya. — Bernama



TAJUK :	PROGRAM KAD PERAK SEJAHTERA BANTU GOLONGAN MISKIN JANA PENDAPATAN		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 JUN 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



PENYERAHAN KAD: Jamilah (dua kiri) menyampaikan Kad Perak Sejahtera kepada Habibah Isa (tengah) pada program penyerahan kad itu di Pusat Rukun Tetangga Kampung Seri Kinta, Ipoh, semalam. — Gambar Bernama

Program Kad Perak Sejahtera bantu golongan miskin jana pendapatan

IPOH: Inisiatif kerajaan Perak melaksanakan Program Kad Perak Sejahtera sejak empat tahun lepas berjaya membantu penerima terutama golongan berpendapatan rendah B40 keluar daripada garis kemiskinan tegar.

Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak) Jamilah Zakaria berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM25.2 juta pada tahun ini dengan 20,000 penerima memperoleh inisiatif tersebut meliputi Kadar Bantuan Kad Makanan sebanyak RM90 sebulan manakala Kad Kesihatan dengan kadar RM150 setahun.

Beliau berkata kebanyakan penerima Kad Perak Sejahtera terdiri daripada golongan ibu tunggal yang berniaga kuih dan kad tersebut sedikit sebanyak membantu mereka membeli barangan asas membuat kuih seperti tepung, telur dan gula.

“Kerajaan negeri memdayakan pelaksanaan Kad Perak Sejahtera bukan sahaja boleh membelanjakan untuk keperluan keluarga tetapi boleh digunakan untuk membeli bahan asas untuk membuat kuih.

“Walaupun nilainya RM90 sebulan, mungkin modal membuat kuih RM50 jadi dia akan dapat keuntungan daripada penjualan kuih tersebut,” katanya kepada Bernama selepas menyerahkan Kad Perak Sejahtera kepada 22 penerima di Pusat Rukun Tetangga Kampung Seri Kinta di sini, kelmarin.

Jamilah berkata kerajaan negeri diharap dapat meneruskan program Kad Perak Sejahtera pada masa

depan dengan menambah jumlah peruntukan dan penerima daripada 20,000 kepada 30,000 tahun depan.

“Apabila Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) berhasrat untuk menamatkan kemiskinan tegar, kerajaan Perak sudah melaksanakan terlebih dahulu menerusi program-program membantu golongan memerlukan.

“Penerima kad ini akan dikeluarkan daripada senarai sekiranya hasil kajian dan pemantauan yang teliti kita lakukan mendapati penerima berjaya keluar daripada garis kemiskinan,” katanya.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad ketika membentangkan Belanjawan Perak 2023 pada Disember lalu mengumumkan kerajaan negeri memperuntukkan RM25.2 juta bagi pelaksanaan Kad Perak Sejahtera, meningkat RM2.4 juta berbanding tahun 2022.

Saarani berkata kadar Bantuan Kad Makanan telah dinaikkan daripada RM80 kepada RM90 sebulan untuk setiap penerima manakala Kad Kesihatan kekal pada kadar RM150 setahun dan ia dapat memanfaatkan 20,000 penerima.

Seorang penerima, Hamidah Yazit, 48, melahirkan rasa syukur kerana terpilih menerima Kad Perak Sejahtera kerana dapat mengurangkan bebanan membeli barangan keperluan untuk anak-anaknya selain dapat membeli ubat untuk penyakit asma yang dihidapinya menerusi Kad Kesihatan.

Hamidah, ibu tunggal tiga anak dengan dua daripada anaknya masih bersekolah

berkata beliau memperoleh pendapatan kira-kira RM600 sebulan dengan berniaga kuih muih selain menerima pencen bulanan arwah suaminya sebanyak RM1,500 daripada Pertubuhan Kesejahteraan Sosial (PERKESO).


Abu Bakar Mat Hassan, 60, pula berkata Kad Perak Sejahtera itu sedikit sebanyak meringankan membeli barangan keperluan untuk ahli keluarganya.

“Saya hanya menjual ubi kayu secara kecil-kecilan dan pendapatan pun tidak menentu. Dengan adanya kad ini, dapatlah saya membeli beras, minyak, tepung dan lain-lain untuk isteri dan anak-anak saya,” katanya.

Perdana Menteri memaklumkan iltizam kerajaan Perpaduan untuk menjadikan tahun 2023 sebagai tahun menamatkan kemiskinan tegar di negara ini.

Sehubungan itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan akan melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan sejumlah RM750 juta peruntukan disediakan untuk 2023 kepada Kementerian Ekonomi bagi menjayakan inisiatif itu yang akan menumpukan kepada pengupayaan golongan miskin supaya meningkatkan potensi pendapatan.

Dilaporkan, bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar berdaftar telah berkurangan daripada 124,744 kepada 118,217 orang bagi tempoh 15 Dis 2022 hingga 15 Mei lalu, manakala menurut data eKasih, KIR miskin berdaftar pula berkurang daripada 304,911 kepada 299,080 KIR dalam tempoh sama. — Bernama



TAJUK :	SOKONGAN KELUARGA BANTU KAKITANGAN RANDO MARUDI BERI PERKHIDMATAN TERBAIK		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 JUN 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Sokongan keluarga bantu kakitangan RANDO Marudi beri perkhidmatan terbaik

MARUDI: Sokongan dan dorongan keluarga membakar semangat kakitangan Pejabat Residen dan Daerah (RANDO) Marudi untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Pegawai Daerah Marudi Belayong Pok berkata, Majlis Ngiling Bidai RANDO Marudi pada Khamis adalah manifestasi penghargaan kepada keluarga kakitangan.

“Tujuan program ini diadakan adalah untuk menghargai ahli-ahli keluarga RANDO yang sentiasa memberi sokongan kepada kakitangan Pejabat



TERUSKAN USAHA: Pelajar cemerlang menerima insentif pendidikan daripada Belayong (tengah) pada majlis tersebut.

Daerah ini dalam setiap tugas dan amanah yang diberikan,” ujarnya pada majlis tersebut.

Belayong berkata, program itu juga sempena dengan sambutan Gawai Dayak 2023


di samping berkongsi rezeki dan kegembiraan bersama masyarakat setempat.

Sementara itu, pengerusi pengelola Vanessa Joseph memberitahu, Pejabat Dae-

rah Marudi bukan sahaja meraikan kakitangan mereka pada sambutan Hari Gawai, malah pada Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Krismas.

Turut diraikan pada majlis itu ialah dua pelajar yang telah menjalani latihan industri di pejabat tersebut.

Hadir sama Ketua Polis Daerah Marudi DSP Mohamad Ruslan Mat Kib, Ketua Masyarakat Cina Daerah Marudi Pemanca Wing Kiong Ching dan Ahli Majlis Daerah Marudi Kaunselor Yanti Nyanggau.



TAJUK :	SUAMI ISTERI DITAHAN DISYAKI DERA KANAK-KANAK LELAKI		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 JUN 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Suami isteri ditahan disyaki dera kanak-kanak lelaki

KUALA LUMPUR: Sepasang suami isteri ditahan kerana disyaki mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun di sebuah rumah teres di Taman Seri Rampai, Wangsa Maju Kuala Lumpur, kelmarin.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, pihaknya menerima laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat selepas penduduk setempat melaporkan mengenai kejadian tersebut petang kelmarin.

Beliau berkata, susulan laporan itu, polis telah

menahan ibu dan bapa tiri mangsa yang masing-masing berusia 35 dan 37 tahun kira-kira 8 malam.


“Pemeriksaan pada badan kanak-kanak itu menemukan kesan lebam di kaki dan pipi serta kesan rotan... Kita percaya kejadian dera ini masih baharu dalam tempoh seminggu atau dua minggu.

“Mangsa merupakan anak tunggal dan kini ditempatkan di Hospital Kuala Lumpur,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Taman Angkat Amanita di Taman Bukit Cheras di sini semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati kejadian berlaku disebabkan suspek lelaki itu mendakwa mangsa nakal.

Beliau berkata, hasil saringan air kencing mendapati lelaki terbabit positif dadah jenis Methamphetamine manakala wanita yang juga ibu mangsa negatif dadah.

Mohd Shuhaily berkata, pasangan suami isteri yang bekerja sebagai penjual nasi lemak itu ditahan reman selama lima hari bermula semalam bagi siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak kanak 2001. — Bernama



TAJUK :	TIGA BERADIK MAUT MOTOSIKAL BERTEMBUNG MPV		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	25 JUN 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Tiga beradik maut motosikal bertembung MPV

KUANTAN: Tiga beradik maut selepas motosikal ditunggang mereka terbabas dan merempuh sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) di Kilometer 7 Jalan Benta/Lamir di Pekan dekat sini semalam.

Ketua Polis Daerah Pekan Supt Mohd Zaidi Mat Zin berkata, kejadian yang dipercayai berlaku pada 12.30 tengah hari itu menyebabkan semua mangsa meninggal dunia di tempat kejadian.

Mereka ialah Nik Ikram Idwan Nik Mohd Khairul Hisyam, 15, adiknya Nik Nur Faqihah, 11, dan Nik Ikram Nuqman, lima, yang beralamat di Kampung Langgar, Pekan.

“Kejadian dipercayai berlaku apabila motosikal mangsa dari arah Kampung Lamir ke Kampung Langgar terbabas ke laluan bertentangan lalu merempuh MPV yang menghala ke Kuantan,” katanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Mohd Zaidi berkata, MPV itu dinaiki tujuh sekeluarga dengan tiga daripada mereka cedera.

Mayat mangsa dihantar ke Hospital Pekan untuk bedah siasat dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. — Bernama